

runtuh jadi debu

Selepas membelanjakan RM66 juta dalam empat pusingan pemerolehan pada harga premium yang jauh melebihi harga pasaran dan pada ketika asas perniagaan syarikat semakin lemah, pelaburan HC Berhad yang semakin meningkat dalam BC Berhad tidak lagi dilihat seperti strategi tetapi lebih seperti suatu obsesi.

HC BERHAD – BC BERHAD: SUATU PARADOKS

Pernah menyaksikan suatu kemusnahan berlaku secara perlahan di depan mata anda? Bukan jatuh menjunam macam dalam drama, bukan... tetapi terhakis sedikit demi sedikit. Sesuatu yang berlaku tanpa kita sedari hingga akhirnya, yang tinggal hanyalah debu dan semua yang tak mahu mengaku. Itulah yang terjadi dengan HC Berhad dan kisah cinta terlampaunya dengan BC Berhad. Yang kononnya tiada jodoh, tetapi sebenarnya tidak pernah mahu ada ikatan.

HC Berhad tidak tersungkur, sebaliknya ia hanyut. Umpama keyakinan yang mencair di bawah lampu kalimantang. Mereka membelanjakan enam puluh enam juta ringgit — JUTA! — untuk membeli sebahagian daripada BC Berhad. Bukan sekali. Bukan dua kali tetapi EMPAT kali! Pembelian terbaru sebanyak 19 juta saham dibuat secara senyap-senyap pada harga premium, 75% lebih tinggi berbanding dengan harga pasaran. Laksana sang penagih yang mendambakan 'high' buat kali pertama. RM0.56, RM0.21... sentiasa terlebih dan senantiasanya terlewat.

Kini, HC Berhad memegang 34.6%. Tidak cukup untuk kawalan statutori, tetapi juga tidak cukup kecil untuk dilepaskan. Sekadar mampu untuk menimbulkan bisikan-bisikan kecil di dalam bilik lembaga pengarah, tetapi tidak cukup kuasa untuk menekan butang merah besar seperti tawaran pemerolehan mandatori. Sejenis kawalan yang menjalar ke seluruh organisasi, yang seolah memberikan isyarat bahawa, "aku tak sentuh kau," walaupun tuding jarinya begitu hampir di wajah kita.

Nah, di sinilah terletak muslihatnya. Dengan pegangan sebanyak 34.6% itu, mereka boleh menyekat resolusi khas iaitu resolusi yang memerlukan 75% persetujuan. Nampak tak permainan mereka? Bukan kawalan sepenuhnya tapi mereka ada kuasa untuk berkata tidak. Kuasa veto yang berselindung di sebalik kepentingan minoriti. Ia bukan tentang pemilikan tetapi pengaruh.

Seperti yang dijangka, menurut mereka, ini langkah strategik. BC Berhad berada dalam sektor telekomunikasi dan utiliti. Bayangkan menara 5G dan impian tenaga solar yang menjadi kata kunci Malaysia dekad ini. Bunyinya macam langkah bijak, bukan? "Sinergi." "Pertumbuhan." "Penyelarasan." Kad bingo dalam dunia korporat. Namun begitu, impian solar itu sudah lama terkubur. Pada 31 Disember 2024, BC Berhad secara diam-diam menjual pegangan 51% dalam anak syarikat solar mereka pada harga RM5.92 juta.

Sementara itu, angka tidak pernah menipu, ia hanya mengalir secara perlahan. Pendapatan sebanyak RM111.9 juta, keuntungan RM2.1 juta dan aliran tunai operasi negatif RM30.36 juta untuk tahun kewangan 2024. Harapan yang senipis kulit bawang. Kemudian — poof! — suku kedua 2025: rugi lagi dan aliran tunai masih negatif. Tapi HC Berhad masih membeli. Masih membayar lebih. Premium melangkaui harga pasaran. Ibarat si kaki judi yang terus bertaruh walaupun sedar dia akan kalah, hanya sebab senyuman sang dealer disangka mungkin membawa tuah.

Apabila orang bertanya sebabnya, mereka pun memberikan alasan. Kononnya untuk “mengelak kesan ketara terhadap harga pasaran.” Kononnya “susah nak dapat pegangan besar dalam pasaran terbuka.” Tambah mereka lagi, kalau beli di pasaran terbuka akan ambil masa dan lebih mahal. Maksud yang tersirat? Mereka memang sengaja membayar lebih. Ironinya, HC Berhad membayar lebih daripada harga pasaran untuk mengelak membayar lebih. Sebab apabila pasaran tidak bersetuju dengan penilaian mereka, sudah pasti pasaran yang bermasalah dan bukan mereka.

Mungkin urusan niaga ini bukan tentang keuntungan semata-mata. Mungkin tentang kuasa, atau sesuatu yang lebih mendalam, yang tidak boleh dicatatkan dalam penyataimbangan. Sebabnya, apabila anda membayar premium sebanyak empat kali, itu bukan lagi kesilapan pengiraan, tetapi niat. Anda perlu membayar untuk mendapatkan pengaruh.

Kisah ini seolah-olah masih belum cukup kelakar, HC Berhad menjadikan pegangannya yang sebanyak 34.6% dalam BC Berhad itu sebagai tali yang mengawal boneka. BC Berhad kini menjadi syarikat pengumpul aset sia-sia, yang mahal, *overrated* dan indah khabar dari rupa. Empire City, contohnya. Tempat berkuburnya impian, dibalut dengan kaca yang berkilauan serta hutang yang menyesakkan. Mereka menamakannya “pelaburan,” tetapi dari jauh ia lebih menyerupai satu perjalanan perlahan menuju kehancuran. Apabila semuanya mulai musnah, mereka tetap berpegang pada tali “penempatan persendirian” seolah-olah itulah penyelamat terakhir. Mengorbankan masa depan sendiri demi menampal lubang yang mereka gali dengan tangan sendiri.

Ini bukan lagi usaha pempelbagaian tetapi pembinaan empayar. Ibarat seekor makhluk hidra dalam dunia korporat. Berkepala bahan kimia, pertanian, penjana kuasa, hartanah dan telekomunikasi, yang mana setiap kepala bergerak ke arah yang berbeza, tetapi semuanya dikawal oleh satu otak yang berbisik: *Berkembang. Terus mara. Luaskan empayarmu.*

Dalam hal ini, tiada sesiapa yang melanggar undang-undang. Buku peraturan masih dipatuhi, cuma ditafsir secara kreatif. Pengarah bebas mengangguk sopan, sementara laporan penilaian dijadikan perisai untuk menghalalkan kegilaan. Rampasan besar HC Berhad ke atas BC Berhad kini tidak lagi dilihat seperti visi, tetapi seperti obsesi dalam sut korporat, yang mundur-mandir dalam bilik mesyuarat tanpa dapat membezakan antara ketagihan dengan tujuan.

Namun, pasaran tidak pernah berbohong. Harga saham BC Berhad tidak melonjak seperti yang dijangka, sebaliknya merudum, diheret oleh kisahnya sendiri. Begitulah angka, yang tidak akan tunduk pada naratif.

Dan keheningan itulah bahagian yang paling menghantui. Pengumuman mereka tampak sempurna, tersusun rapi, dihiasi dengan kata-kata seperti “sinergi” dan “kolaborasi.” Namun sebaliknya? Ianya hanyalah omong kosong. Tiada kemajuan hakiki. Hanya gema

optimisme yang menyamar sebagai logik. Sebuah kisah amaran yang ditulis dengan ringgit dan penyesalan.

Tapi inilah kejutan plot. Semua petanda itu sebenarnya sudah lama wujud. *Red flag*. Margin. Penilaian. Keadaan senyap dan sunyi. Keyakinan bahawa pasaran yang silap dan merekalah pihak yang benar. Begitulah pengakhiran kisah-kisah seperti ini. Bukan dengan letupan, tapi dengan suara-suara halus keyakinan yang runtuh di bawah berat sendiri.

Kau tidak boleh melawan graviti, walaupun dengan alasan sinergi.

[TAMAT]

Share Fest!

Festival for Minority Shareholders

Supported by:



**SATURDAY
22 NOVEMBER 2025**

HERITAGE VALLEY KL

(NEAR QUILL CITY MALL)

9:00 A.M - 6:00 P.M

Lucky Draw



Food Bazaar



**TED
Talk-style
Sessions**



**Food
Trucks**



**Free
Health
Check^{Up}**



**Pop Up
Zone**



**Flea
Market**



**Free
Relaxing
Massage**



**Free
Stuffs**

**Meal
Coupon***



**Door
Gift***



**REGISTER
NOW**



**EVENT
BROCHURE**

* For the first 300 pax.
Terms & conditions apply.



@MSWGMalaysia

mswg.org.my



4 CPD HOURS


The New SORMIC Guide 2025

What It Is All About & Its Implications to Listed Issuers, Directors, Management & Auditors


3 NOVEMBER 2025
MONDAY
 
9.00 AM - 1.00 PM

 MICROSOFT TEAMS



Scan the QR Code to register




@MSWGMalaysia
mswg.org.my



8 CPD HOURS



*Applicable for entity level & group registration only

Navigating the National Sustainability Reporting Framework & Latest Bursa Listing Requirements


10 NOVEMBER 2025
MONDAY
 
9.00 AM - 5.00 PM

 THE MAJESTIC HOTEL KUALA LUMPUR



Scan the QR Code to register




@MSWGMalaysia
mswg.org.my



16 CPD HOURS



Business Continuity Management Masterclass

Building Resilience, Ensuring Rapid Recovery, and Sustaining Operations


24 & 25 NOVEMBER 2025
MONDAY & TUESDAY
 
9.00 AM - 5.30 PM

 THE MAJESTIC HOTEL KUALA LUMPUR



Scan the QR Code to register




@MSWGMalaysia
mswg.org.my

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas bergantung kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.